

Industri kecil: Bantuan dari India dicadangkan

IPOH, Sabtu — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mencadangkan usahawan negara ini mendapatkan bantuan dari India untuk membangunkan sektor perindustrian kecilan.

Katanya, kemajuan yang dicapai dalam industri sokongan di India boleh menjadi inspirasi kepada Malaysia.

Bellau menyeru mereka mengadakan lawatan pelaburan ke India ataupun meng-

galakkan usahawan India melawat Malaysia.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata demikian di upacara perasmian seminar, 'Peranan dan kemajuan perindustrian kecil-kecilan', anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian India, Ipoh.

Mengenal beberapa kegagalan pelaburan India di negara ini, bellau berkata, kegagalan tersebut tidak sepatutnya menghalang yang lain menyumbangkan teknologi dan kecekapan pengurusan mereka untuk faedah negara ini.

Oleh AHMAD TAJUDDIN

Menurut bellau, Kerajaan sedang mengkaji semula program pembangunan sektor perindustrian kecilan.

Kerajaan memberi perhatian berat menggalakan industri tambahan bagi memenuhi keperluan sektor perindustrian di Malaysia.

"Perhatian yang diberi oleh Dewan Perniagaan dan Perindustrian India, Ipoh, terhadap pembangunan industri kecilan sejajar dengan tujuan dan aspirasi Kerajaan.

"Saya harap Dewan ini akan dapat menyiasat keperluan kejuruteraan industri di Perak dan ne-

geri lain dan seterusnya menolong menubuhkan asas industri tambahan yang perlu bagi mengerakkan lagi pembangunan industri di Malaysia," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, "Kita tidak boleh berdiam diri dan hanya menunggu industri seperti itu membangun atau membenarkan syarikat terus mengimport komponen dan bahan tambahan dari sumber asing sepanjang masa."

Strategi Kerajaan Malaysia menggalakan dan membangunkan industri kecilan, katanya, ialah mewujudkan kemudahan organisasi yang boleh memenuhi keperluan sektor tersebut.